



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERGERAKAN DI DALAM KAWASAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP),
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB),
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

SOALAN AM

1. Adakah saya dibenarkan membuat pergerakan keluar dari rumah kediaman / tempat tinggal atau merentas daerah / negeri?

Pergerakan keluar dari rumah kediaman dan rentas daerah / negeri adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti berikut:-

Bil.	Kategori	Negeri	Pergerakan
1.1	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	<ul style="list-style-type: none"> - Johor - Melaka - Pulau Pinang - Sabah - Selangor - Kelantan - Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Wilayah Persekutuan Putrajaya - Wilayah Persekutuan Labuan - Daerah Sibu, Daerah Selangau dan Daerah Kanowit, Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> - Pergerakan keluar dari rumah kediaman / tempat tinggal melebihi 10 kilometer dari kediamannya tidak dibenarkan tanpa kebenaran polis kecuali bagi tujuan bekerja dengan pengesahan majikan atau pas pekerja. - Pergerakan rentas negeri dan daerah tidak dibenarkan tanpa kebenaran polis.

1.2	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	<ul style="list-style-type: none"> - Kedah - Negeri Sembilan - Pahang - Perak - Terengganu - Sarawak (kecuali Bahagian Sibul) 	<ul style="list-style-type: none"> - Pergerakan keluar dari rumah kediaman / tempat tinggal dibenarkan di dalam negeri yang sama.
1.3	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	<ul style="list-style-type: none"> - Perlis 	<ul style="list-style-type: none"> - Pergerakan rentas daerah dibenarkan. - Pergerakan rentas negeri tidak dibenarkan tanpa kebenaran polis.

* Pergerakan keluar masuk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah **tidak dibenarkan** tanpa kebenaran polis.

2. Apakah pengecualian bagi pergerakan keluar dari rumah kediaman / tempat tinggal atau merentas daerah / negeri?

Pengecualian bagi pergerakan keluar dari rumah kediaman dan rentas daerah / negeri adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti berikut:-

Bil.	Tujuan Pergerakan	Permohonan Surat Kebenaran Polis		
		PKP	PKPB	PKPP
2.1	Mendapat bekalan makanan / keperluan asas, perubatan atau urusan kecemasan, sekiranya:- <ul style="list-style-type: none"> - Tidak melebihi 10 kilometer dari kediaman; - Melebihi 10 kilometer dari kediaman. 	Tidak Perlu	Tidak Perlu	
		Perlu	Tidak Perlu	
2.2	Menggunakan kenderaan persendirian / pengangkutan awam seperti teksi / e-hailing / kapal terbang:- <ul style="list-style-type: none"> - untuk pergerakan rentas daerah; 	Perlu	Tidak Perlu	

	- untuk pergerakan rentas negeri.	Perlu	Perlu
2.3	Pergerakan pergi dan balik dari tempat kerja:- - Bagi perkhidmatan perlu; - Bagi bukan perkhidmatan perlu.	Tidak perlu sekiranya mempunyai surat kebenaran Kementerian / Agensi yang berkaitan / surat kebenaran majikan / pas pekerja yang sah. Perlu	Tidak perlu Tidak perlu
2.4	Pergerakan memberi bantuan di tempat bencana alam.	Tidak perlu. Individu hanya perlu mendapatkan surat kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).	
2.5	Lain-lain pergerakan, contohnya:- - Penjaja / peniaga kecil yang menjalankan aktiviti penjaja/ perniagaan kecil-kecilan persendirian. - Menghadiri pembelajaran / peperiksaan di insituti pendidikan / menghantar anak ke institusi pendidikan.	Perlu Tidak perlu sekiranya mempunyai surat pengesahan daripada pihak sekolah / Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) / Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).	Tidak perlu Tidak perlu

	- Menghantar anak ke pusat jagaan kanak-kanak.	Tidak perlu	Tidak perlu
--	--	-------------	-------------

3. Berapakah kapasiti penumpang di dalam kenderaan persendirian dan pengangkutan awam yang dibenarkan?

Kapasiti penumpang di dalam kenderaan persendirian yang dibenarkan bagi pergerakan keluar dari rumah kediaman dan rentas daerah / negeri adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti berikut:-

Bil.	Tujuan Pergerakan	Kapasiti Yang Dibenarkan		
		PKP	PKPB	PKPP
3.1	Mendapat bekalan makanan / keperluan asas.	2 orang wakil isi rumah	Mengikut kapasiti kenderaan	
3.2	Mendapat perubatan.	3 orang termasuk pesakit		
3.3	Menjalankan urusan kecemasan.	Mengikut kapasiti kenderaan		
3.4	Pergerakan rentas daerah / negeri.			
3.5	Pergerakan pergi dan balik dari tempat kerja.			
3.6	Lain-lain pergerakan, contohnya:- - Penjaja / peniaga kecil yang menjalankan aktiviti penjaja/ perniagaan kecil-kecilan persendirian. - Menghadiri pembelajaran / peperiksaan di insituti pendidikan / menghantar anak ke institusi pendidikan. - Menghantar anak ke pusat jagaan kanak-kanak.			Mengikut kapasiti kenderaan

3.7	Pergerakan menggunakan pengangkutan awam seperti bas / LRT / kapal terbang.	Mengikut kapasiti kenderaan * Kecuali Sabah – 50% kapasiti bagi bas henti-henti dan bas sekolah	
3.8	Pergerakan menggunakan pengangkutan darat seperti taksi / e-hailing.	2 orang penumpang tidak termasuk pemandu	Mengikut kapasiti kenderaan

4. Apakah maksud urusan kecemasan?

Urusan kecemasan bermaksud urusan bagi tujuan rawatan dan kematian. Kebenaran pergerakan untuk menjalankan urusan kecemasan adalah terletak di atas budi bicara pegawai polis.

5. Bagaimana saya mendapatkan kebenaran polis untuk merentas daerah / negeri di kawasan PKP / PKPB / PKPP?

5.1 Anda perlu mengisi dua (2) salinan Borang Permit Pergerakan yang boleh dimuat turun melalui Facebook Polis Diraja Malaysia (*Royal Malaysia Police*) di https://www.facebook.com/161086313901684/posts/3901396536_537291/ melalui pautan berikut:-

5.1.1 Borang Permit Pergerakan PKP
[https://www.rmp.gov.my/docs/default-source/permit-pergerakan-perintah-kawalan-pergerakan-\(pkp\)/borang-permit-pergerakan-perintah-kawalan-pergerakan-\(pkp\).jpeg](https://www.rmp.gov.my/docs/default-source/permit-pergerakan-perintah-kawalan-pergerakan-(pkp)/borang-permit-pergerakan-perintah-kawalan-pergerakan-(pkp).jpeg)

5.1.2 Borang Permit Pergerakan PKPB
<https://www.rmp.gov.my/docs/default-source/Penerbitan/borang-permit-pergerakan-pkpb.pdf?sfvrsn=2>

Jika tiada akses internet atau kemudahan cetak, anda boleh mendapatkan borang tersebut di mana-mana balai polis yang berhampiran.

5.2 Anda perlu hadir ke balai polis berhampiran bersama borang yang telah diisi untuk mendapatkan kebenaran polis di kaunter pertanyaan. Dokumen sokongan mungkin diperlukan bagi tujuan mendapatkan kelulusan.

5.3 Anda akan diberikan satu (1) salinan yang telah ditandatangani dan dicop oleh pegawai polis di kaunter pertanyaan.

5.4 Borang permit yang telah ditandatangani dan dicop tadi, hendaklah dibawa bersama sepanjang pergerakan dan ditunjukkan kepada petugas sekiranya diminta semasa pemeriksaan polis.

Nota:-

- Semua permohonan surat kebenaran polis boleh dibuat pada bila-bila masa di semua balai polis.
- Semua permohonan surat kebenaran polis boleh dibuat lebih awal dari tarikh pergerakan.

6. Adakah saya yang berada di luar kawasan PKP / PKPB / PKPP, dibenarkan untuk pulang ke rumah kediaman / tempat tinggal yang berada di dalam kawasan PKP / PKPB / PKPP yang lain?

Ya. Anda dibenarkan untuk pulang ke rumahnya dengan syarat mendapatkan kebenaran polis.

7. Adakah saya dibenarkan rentas daerah / negeri dengan menggunakan pengangkutan awam seperti teksi / e-hailing / kapal terbang?

Ya. Anda dibenarkan menggunakan pengangkutan awam untuk rentas daerah / negeri dengan syarat membuat permohonan surat kebenaran polis sebelum membuat pembelian tiket.

8. Adakah *Person Under Investigation* (PUI) yang selesai / tamat tempoh kuarantin di Pusat-Pusat Kuarantin perlu mendapatkan kebenaran polis untuk balik ke rumah?

Tidak perlu. PUI hendaklah menunjukkan surat pelepasan kuarantin yang dikeluarkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) semasa pemeriksaan polis.

9. Bolehkah syarikat saya beroperasi dalam tempoh pelaksanaan PKP?

Syarikat anda boleh beroperasi sekiranya syarikat anda menjalankan aktiviti ekonomi dan ianya merupakan industri yang disenaraikan sebagai sektor ekonomi perlu oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti pengilangan dan pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perdagangan dan pengedaran, serta perladangan dan komoditi. Syarikat anda boleh beroperasi mengikut SOP khusus yang ditetapkan oleh Kementerian / Agensi berkaitan.

10. **Saya bekerja sebagai pemandu lori menghantar sayur dari Cameron Highlands ke Kuala Lumpur. Adakah saya perlu mendapatkan kebenaran polis untuk pergerakan merentas daerah / negeri?**

Tidak perlu. Anda hanya perlu menunjukkan surat kebenaran majikan atau pas pekerja atau surat daripada Kementerian / Agensi yang berkaitan semasa pemeriksaan polis.

11. **Saya bekerja sebagai guru / pensyarah di kawasan PKP / PKPB / PKPP. Adakah saya perlu mendapatkan kebenaran polis untuk pergerakan ke tempat kerja?**

Tidak perlu. Anda hanya perlu menunjukkan surat kebenaran majikan / surat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) / surat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semasa pemeriksaan polis.

12. **Saya ingin merentas daerah / negeri untuk menghantar / mengambil anak saya di sekolah di kawasan PKP / PKPB / PKPP. Adakah saya perlu mendapatkan kebenaran polis untuk pergerakan pergi ke sekolah?**

Tidak perlu. Anda hanya perlu menunjukkan surat pengesahan yang dikeluarkan oleh pihak sekolah kepada murid semasa pemeriksaan polis.

13. **Saya menjalankan pekerjaan tanpa majikan (penjaja / peniaga kecil / handyman / jurujual) di kawasan PKP / PKPB / PKPP. Adakah saya perlu mendapatkan kebenaran polis untuk pergerakan merentas daerah / negeri. Apakah dokumen sokongan yang saya boleh kemukakan semasa membuat permohonan surat kebenaran polis?**

Ya. Anda perlu mendapatkan surat kebenaran polis sekali sahaja untuk tujuan pergerakan di kawasan PKP / PKPB / PKPP. Semasa membuat permohonan surat kebenaran polis, anda boleh mengemukakan apa-apa dokumen sokongan, gambar atau apa-apa bukti perniagaan sebagai bukti / sokongan permohonan anda.

14. **Saya menjalankan perniagaan menjaja di kawasan PKP. Saya mempunyai empat (4) orang pekerja iaitu ahli keluarga yang tinggal bersama dengan saya. Adakah saya perlu memohon surat kebenaran polis untuk pergerakan bersama pekerja-pekerja saya dengan menaiki sebuah kenderaan persendirian ke tempat kerja?**

Ya. Anda perlu mendapatkan surat kebenaran polis disertakan butiran-butiran pekerja untuk tujuan pergerakan pergi balik dari tempat kerja.

15. **Di kawasan PKP, adakah saya boleh merentas daerah / negeri untuk membeli barang keperluan di kedai yang berada di dalam lingkungan 10 kilometer dari rumah kediaman / tempat tinggal saya?**

Tidak boleh. Anda dibenarkan untuk membeli barang keperluan di kedai yang berada di dalam lingkungan 10 kilometer dari rumah kediaman anda tanpa merentas daerah / negeri.

**POLIS DIRAJA MALAYSIA
16 JANUARI 2021**

-TAMAT -

